

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 APRIL 2024

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

Raih RM14,000 sebulan sertai IPR

Raih RM14,000 sebulan sertai IPR

Jualan nasi kukus dalam perniagaan mesin layan diri ubah nasib keluarga

Kuala Selangor: Seorang peniaga nasi kukus tidak menyangka keputusan menyertai program perniagaan mesin layan diri di bawah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) mampu merubah graf pendapatan bulannya apabila meraih jualan melebihi RM14,000 sebulan.

Lebih mengembirakan Mohd Hermi Shahuddin, 47, dia kini tidak lagi dibelenggu masalah pendapatan tidak menentu seperti dialami sebelum menyertai program IPR kategori Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) itu, yang diperkenalkan Kerajaan MADANI melalui Kementerian Ekonomi pada Mac tahun lalu.

Bapa empat anak perempuan itu berkata, sebelum menyertai program berkenaan, dia hanya berniaga secara kecil-kecilan de-

ngan membuka gerai di tepi jalan di kawasan Fasa 3 Bandar Puncak Alam, di sini, selain mengambil tempahan makanan untuk majlis keramaian di kawasan sekitar.

"Perniagaan kami sebelum ini banyak cabaran dengan pendapatan boleh terjejas bila-bila masa. Ada ketika, makanan langsung tidak boleh dijual, terutama ketika hujan lebat menyebabkan modal dan makanan pada hari itu 'hangus'," katanya.

Mohd Hermi dan isteri, Fadilah Hanum Abu, 47, mengusahakan perniagaan makanan dari mesin layan diri di Kolej Angsana 2, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Selangor (UCS) kampus Puncak Alam.

Mereka menyifatkan penyertaan dalam program IPR sebagai tidak sia-sia, malah tidak perlu mengeluarkan modal untuk penyediaan makanan dan bayaran sewa kerana kos itu ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan bagi tempoh dua tahun.

Antara makanan dijual menerusi mesin layan diri itu adalah nasi lemak ayam goreng, nasi lemak pandan, roti kebab daging, roti sosej gulung, set bebola daging, 'popcorn' ayam dan nasi ayam pedas, yang semuanya di-



Mohd Hermi mengusahakan perniagaan makanan dari mesin layan diri di Kolej Angsana 2, UiTM Cawangan Selangor kampus Puncak Alam.

(Foto BERNAMA)

masak sendiri mereka berdua. "Semua makanan ini dijual RM2 hingga RM5. Bagi meningkatkan kualiti dan rasa, menu ditukar atau ditambah setiap enam jam dalam tempoh sehari. "Ini bermakna program IPR bukan sahaja beri manfaat kepada usahawan, malah memberi pilihan kepada orang ramai membeli makanan siap masak pada harga berpatutan," katanya sambil berterima kasih kepada kerajaan kerana menyediakan inisiatif menguntungkan rakyat.

Rancang perluas inisiatif

Sementara itu, Rektor UCS, Prof Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman, berkata kampus itu adalah kampus IPTA pertama melancarkan mesin layan diri menerusi program IPR INSAN yang menjual makanan pada harga RM2 hingga RM5.

Menurutnya, ketika ini sembilan mesin layan diri IPR beroperasi di Kampus Puncak Alam dan satu lagi dalam proses untuk mulakan operasi, selain merancang meluaskan lagi inisiatif sama ke fakulti dan kolej pengajian lain bagi beri ruang kepada peserta IPR terpilih merajai pendapatan. BERNAMA